

04 APR 2002

Mahathir-Takrif/I

PM KATA TAKRIF KEGANASAN BELIAU UNTUK TUJUAN PERBINCANGAN

Oleh: Abdul Muin Majid

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata takrif mengenai keganasan dan penganas yang beliau ucapkan pada perasmian Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan Isnin lepas bertujuan supaya ia dibincangkan.

"Tetapi nampaknya ada pihak sukar menerima takrif itu. Saya tidak memaksa takrif itu mesti diterima. Saya hanya mencadangkan sesuatu bagi dibincangkan pada mesyuarat itu," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa satu pertemuan bersama lebih kurang 20 orang wartawan antarabangsa yang membuat liputan sesi khas itu yang berakhir semalam.

Dalam uaputamanya, Dr Mahathir mengutarakan pandangan bahawa serangan bersenjata atau apa juga serangan ke atas orang awam dianggap sebagai keganasan dan pihak yang melakukannya sebagai penganas.

Bagaimanapun pandangan itu tidak disukai oleh beberapa perwakilan dan juga sesetengah anggota media.

Dr Mahathir berkata, "Takrif keganasan yang beliau cadangkan ialah semua bentuk serangan ke atas orang awam dianggap sebagai keganasan sama ada jika dilakukan oleh Israel atau Palestin.

"Orang Palestin mungkin merasakan perbuatan (pengebom berani mati) itu mempunyai justifikasi tetapi itu tidak bermakna ia bukan satu perbuatan ganas," kata Perdana Menteri.

"Ia mungkin dianggap sebagai serangan penganas tetapi apa pilihan yang ada bagi mereka (Palestin)? Apabila anda tidak mempunyai pilihan, anda menyerang. Apabila orang melakukan keganasan terhadap anda, adalah sah untuk bertindak ganas (sebagai balasan)," katanya.

Beliau berkata terpulang kepada mesyuarat itu untuk menerima atau menolak takrif berkenaan atau merumuskan kesimpulan lain.

-- BERNAMA

MAM ZS AAM MOZ